



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEBIMBANGAN PRAPERANDINGAN DAN ORIENTASI MATLAMAT
DALAM KALANGAN PESERTA MERENTAS DESA**

ARIS FAZIL BIN HAJI UJANG.

FPP 2005 7

**KEBIMBANGAN PRAPERTANDINGAN DAN ORIENTASI
MATLAMAT DALAM KALANGAN PESERTA
MERENTAS DESA**

Oleh

ARIS FAZIL BIN HAJI UJANG

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi
Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

Jun 2005



DEDIKASI

Teristimewa untuk keluarga tercinta,

Hajjah Esah binti Ma`asol
Muslina binti Musa
Aris Luqmanul Hakim
Arina Insyirah
Aris Alang Iskandar
Aris Ghazi Haidhar

Buat ... Arina Marissa

Kau tetap dalam ingatan

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains.

KEBIMBANGAN PRAPERTANDINGAN DAN ORIENTASI MATLAMAT DALAM KALANGAN PESERTA MERENTAS DESA

Oleh

ARIS FAZIL BIN HAJI UJANG

Jun 2005

Pengerusi : Profesor Madya Mohd. Sofian Bin Omar Fauzee, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara kebimbangan prapertandingan dan orientasi matlamat di kalangan peserta merentas desa. Subjek kajian ini terdiri daripada peserta merentas desa ($N=464$) yang mewakili negeri masing-masing dalam Kejohanan Merentas Desa Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) di Port Dickson, Negeri Sembilan bagi tahun 2003. Peserta-peserta terdiri daripada peserta lelaki ($N=237$) dan perempuan ($N=227$) yang berumur antara 13 hingga 18 tahun ($\text{min}=15.58$). Semua subjek memberi maklum balas menggunakan soal selidik *Competitive State Anxiety Inventory-2* (SCAI-2; Martens, et.al. 1990) dan *Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire* (TEOSQ; Duda & Nicholls, 1992).

Hasil analisis min dan sisihan piawai mendapati, keseluruhan peserta merentas desa MSSM menunjukkan tahap keimbangan prapertandingan ($M=64.32$, $SD=8.31$) yang sederhana. Dapatkan kajian juga menunjukkan keimbangan kognitif, keimbangan somatik dan keyakinan diri pada tahap yang sederhana. Peserta-peserta merentas desa juga cenderung kepada corak orientasi matlamat yang berorientasikan tugasan berbanding orientasi ego.

Dapatkan kajian menunjukkan keimbangan prapertandingan peserta merentas desa bawah 15 tahun ($M=64.45$, $SD=8.30$) dan bawah 18 tahun ($M=64.19$, $SD=8.34$) pada tahap yang sederhana. Dapatkan kajian juga menunjukkan ketiga-tiga subskala keimbangan prapertandingan bagi peserta bawah 15 tahun dan bawah 18 tahun pada tahap yang sederhana. Peserta bagi kedua-dua kategori juga cenderung kepada corak orientasi matlamat yang berorientasikan tugasan.

Hasil daripada analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($p > .05$) bagi subskala keimbangan prapertandingan bagi peserta bawah 15 tahun dan bawah 18 tahun yang berlainan jantina dan berbeza pengalaman. Dapatkan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($p > .05$) bagi subskala orientasi matlamat bagi peserta bawah 15 dan 18 tahun yang berlainan jantina dan berbeza pengalaman.

Dapatan kajian ini juga mendapati wujud hubungan yang signifikan antara kebimbangan prapertandingan dan orientasi matlamat bagi peserta bawah 15 tahun ($r=.168$, $p<.05$) dan bawah 18 tahun ($r=.271$, $p<.01$). Bagi peserta bawah 15 tahun dan bawah 18 tahun didapati wujud hubungan yang signifikan antara orientasi tugasan dengan kebimbangan prapertandingan, kebimbangan somatik dan keyakinan diri manakala orientasi ego mempunyai hubungan yang signifikan dengan kebimbangan somatik. Orientasi ego bagi peserta merentas desa bawah 15 tahun mempunyai hubungan yang negatif dengan keyakinan diri.

Hasil analisis regresi berganda *stepwise* menunjukkan orientasi tugasan adalah faktor peramal bagi kebimbangan prapertandingan peserta merentas desa bawah 15 tahun dan bawah 18 tahun MSSM.

Kajian ini telah menunjukkan bahawa instrumen kajian SCAI-2 (Martens, et.al. 1990) dan TEOSQ (Duda & Nicholls, 1992) sesuai diaplikasikan dalam mengkaji kebimbangan prapertandingan dan corak orientasi matlamat di kalangan atlet di Malaysia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science.

**PRE-COMPETITION ANXIETY AND GOAL ORIENTATION
AMONG CROSS-COUNTRY PARTICIPANTS**

By

ARIS FAZIL BIN HAJI UJANG

June 2005

Chairman : Associate Professor Mohd. Sofian Omar Fauzee, PhD

Faculty : Educational Studies

This study was conducted to identify the relationship between pre-competition anxiety and goal orientation among cross country athletes. The subjects involved in this study consist of cross-country participants (N=464) representing their respective states in the Malaysian Schools Sports Councils (MSSM) Competition 2003 held in Port Dickson, Negeri Sembilan. The participants consist of male (N=237) and female (N=227) participants between the aged of 13 to 18 years (min=15.58). The study was conducted using the Competitive State Anxiety Inventory -2 (SCAI-2; Martens, et.al. 1990) and Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire (TEOSQ; Duda & Nicholls, 1992).

The results of the study showed that the overall MSSM cross country participants had a moderate level of pre-competition anxiety ($M=64.32$, $SD=8.31$). It also showed that the cognitive anxiety, somatic anxiety and self confidence of the participants were at moderate level. In addition, it was found that the participants more inclined towards a task-based goal orientation than the ego orientation.

The result of the study also showed that the under 15 ($M=64.45$, $SD=8.30$) and under 18 ($M=64.19$, $SD=8.34$) MSSM cross country participants had a moderate level of pre-competition anxiety. The pre-competition anxiety sub-scale for the under 15s and 18s were at the moderate level. The participants from both categories also showed more inclination towards the task-based goal orientation.

The result of the t-test analysis did not indicate any significant differences ($p>.05$) in the pre-competition anxiety sub-scale among both the under 15 and under 18 participants irrespective of gender and experience. Similarly, the study also indicated that there was no significant difference ($p>.05$) in the goal orientation sub-scale among the under 15 and under 18 participants irrespective of gender and experience.

The results of the study identified a significant relationship between the pre - competition anxiety and goal orientation for under 15 ($r=.168$, $p>.05$) and under 18 ($r=.271$, $p>.01$) participants. Similarly,

significant relationships could be seen between task-based orientation and pre-competition anxiety, somatic anxiety and self-confidence, and between ego orientation and somatic anxiety. There is a negative relationship between ego orientation for the under 15 MSSM cross country participants and their self-confidence.

The stepwise multiple regression analysis applied indicated that task-based orientation was the predicting factor for the pre-competition anxiety for the under 15 and under 18 participants.

In view of the findings, both the instruments, namely the SCAI - 2 (Martens, et. al. 1990) and TEOSQ (Duda & Nicholls, 1992) was found to be suitable to be used in the findings of pre-competition anxiety and goal orientation among the athletes in Malaysia.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan kurnia dan rahmatNya saya dapat melalui suatu proses ilmiah dan menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Setinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Sofian Omar Fauzee selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini di atas bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan motivasi yang diberi dalam menyempurnakan tesis ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada Dr. Saidon Amri dan Profesor Madya Dr. Aminudin Mohd. Yusof selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang juga banyak memberi tunjuk ajar dan dorongan kepada saya.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada saudara Rosli Saadan (KUTKM), rakan-rakan di MPIK dan SMKTP yang membantu dalam menjayakan tesis ini, pengurus-pengurus pasukan, jurulatih dan peserta-peserta merentas desa MSSM tahun 2003 yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan penyelidikan ini.

Di samping itu, penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan khas kepada ibu yang dikasihi, Hajjah Esah Ma'asol, abang-abang, kakak-kakak dan anak-anak saudara yang banyak memberi dorongan dan bantuan sepanjang pengajian ini. Tidak ketinggalan buat isteri tercinta, Muslina Musa, yang sentiasa memberi semangat

dan menjadi sumber motivasi atas kejayaan ini. Buat anak-anakku, Luq, Arin, Is dan Ghazi terima kasih babah ucapkan. Kalian menjadi sumber inspirasi dan suatu hari nanti kalian akan mengerti erti perjuangan dan pengorbanan. Untuk anakku Marissa, dalam kekalutan babah mengejar cita-cita demi masa depan kita, kau pergi tanpa sempat melihat kejayaan ini. Kejayaan ini menjadi memori ketika membuat dan bersamamu walaupun untuk seketika.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan tesis ini. Jasa kalian tetap dikenang dan hanya Allah sahaja yang dapat membala jasa dan sumbangsan yang kalian berikan. InsyaAllah.

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Aris Fazil Haji Ujang telah mengadakan peperiksaan akhir pada 24 Jun 2005 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk "Kebimbangan Prapertandingan dan Orientasi Matlamat dalam Kalangan Peserta Merentas Desa" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Tengku Fadilah Tengku Kamalden, PhD

Pensyarah

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rahil Mahyuddin, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohd Khairi Zawi, PhD

Pensyarah

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Salleh Abd. Rashid, PhD

Profesor Madya

Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah
(Pemeriksa Luar)

ZAKARIAH ABD. RASHID, Ph.D.
Profesor/Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 22 NOV 2005

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah di terima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

Mohd. Sofian Omar Fauzee, PhD


Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Saidon Amri, PhD

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Aminuddin Mohd. Yusof, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



AINI IDERIS, PhD

Profesor/Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh : 08 DEC 2005

PERAKUAN

Saya mengaku tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah dinyatakan rujukannya dengan jelas. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dikemukakan sebelum ini atau bersama-sama ini untuk mana-mana ijazah di UPM atau institusi-institusi selain daripada UPM.



ARIS FAZIL BIN HAJI UJANG

Tarikh : 24/03/2006 .

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	ix
PENGESAHAN	xi
PERAKUAN	xiii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xx
 BAB	
I. PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	5
Objektif Kajian	11
Objektif Umum	11
Objektif Khusus	12
Persoalan Kajian	13
Kesignifikanan Kajian	14
Skop Kajian	16
Limitasi Kajian	18
Definisi Operasional	21
Kebimbangan Prapertandingan	21
Kebimbangan Kognitif	21
Kebimbangan Somatik	22
Keyakinan Diri	22
Orientasi Matlamat	23
Orientasi Tugasan	23
Orientasi Ego	24
Peserta Merentas Desa	24
Majlis Sukan Sekolah Malaysia	25
Rumusan	26
II. TINJAUAN LITERATUR	28
Pendahuluan	28
Kebimbangan	29
Teori-teori Kebimbangan	30
Teori Desakan	31
Teori U-Terbalik	33
Teori Zon Fungsi Optimum	36
Teori Pembalikan	39
Teori Kebimbangan Multidimensi	40
Kajian-Kajian Kebimbangan Dalam Sukan	47
Orientasi Matlamat	67
Teori Perspektif Matlamat	67
Kajian-Kajian Orientasi Matlamat Dalam Sukan	69

Kajian Kebimbangan Dan Orientasi Matlamat Dalam Sukan	83
Kerangka Teoritikal	88
Rumusan	90
III. METODOLOGI KAJIAN	91
Pendahuluan	91
Reka Bentuk Kajian	91
Tempat Kajian	93
Populasi Kajian	94
Subjek Kajian	98
Instrumen Kajian	99
Psikometrik Instrumen Kajian	104
Soal Selidik Kebimbangan Prapertandingan	104
Soal Selidik Orientasi Matlamat	106
Kaedah Pemarkatan Instrumen Kajian	108
<i>Competitive State Anxiety Inventory-2</i>	108
<i>Task and Ego Orientation In Sport Questionnaire</i>	110
Kebolehpercayaan Dan Kesahan	112
Kajian Rintis	115
Analisis Kebolehpercayaan SCAI-2 dan TEOSQ	118
Prosedur Kajian	119
Penganalisaan Data	121
Analisis Min dan Sisihan Piawai	122
Tahap Kebimbangan Prapertandingan dan orientasi matlamat	123
Kebimbangan Prapertandingan	123
Kebimbangan Kognitif	124
Kebimbangan Somatik	125
Keyakinan Diri	126
Orientasi Matlamat	127
Orientasi Tugasan	128
Orientasi Ego	129
Ujian-t	130
Kolerasi Bivariate	130
Regrasi Berganda	131
Rumusan	132
IV. DAPATAN KAJIAN	133
Pendahuluan	133
Analisis Demografi Responden	134
Umur	135
Jantina	135
Kategori Penyertaan	136
Bangsa	136
Tempat Pertandingan	137
Pengalaman Bertanding Di Peringkat Kebangsaan	138

Analisis Min Dan Sisihan Piawai Kebimbangan Prapertandingan Dan Orientasi Matlamat	138
Analisis Tahap Kebimbangan Prapertandingan Dan Orientasi Matlamat	141
Analisis Tahap Kebimbangan Prapertandingan Dan Orientasi Matlamat Peserta Merentas Desa	
Bawah 15 tahun	142
Kebimbangan Prapertandingan	142
Kebimbangan Kognitif	143
Kebimbangan Somatik	144
Keyakinan Diri	145
Orientasi Matlamat Berasaskan Orientasi Tugasan	147
Orientasi Matlamat Berasaskan Orientasi Ego	148
Analisis Tahap Kebimbangan Prapertandingan Dan Orientasi Matlamat Peserta Merentas Desa	
Bawah 18 tahun	149
Kebimbangan Prapertandingan	149
Kebimbangan Kognitif	150
Kebimbangan Somatik	151
Keyakinan Diri	152
Orientasi Matlamat Berasaskan Orientasi Tugasan	154
Orientasi Matlamat Berasaskan Orientasi Ego	155
Analisis Perbandingan Subskala Kebimbangan Prapertandingan Dan Subskala Orientasi Matlamat	156
Analisis Perbandingan Subskala Kebimbangan Prapertandingan Dan Subskala Orientasi Matlamat Mengikut Jantina	156
Analisis Perbandingan Subskala Kebimbangan Prapertandingan Dan Subskala Orientasi Matlamat Mengikut Pengalaman	159
Analisis Hubungan Antara Kebimbangan Prapertandingan Dan Orientasi Matlamat	162
Analisis Faktor Peramal Kebimbangan Prapertandingan	166
Rumusan	168
V. PERBINCANGAN	170
Pendahuluan	170
Perbincangan	170
Kesimpulan	191
Implikasi Dan Sumbangan	193
Cadangan Kajian Masa Depan	202
Penutup	204
RUJUKAN	206
APENDIK	217
BIODATA PENULIS	235

17	Taburan Responden Bawah 15 Tahun Berdasarkan Tahap Kebimbangan Somatik	145
18	Taburan Responden Bawah 15 Tahun Berdasarkan Tahap Keyakinan Diri	146
19	Taburan Responden Bawah 15 Tahun Berdasarkan Kategori Orientasi Tugasan	147
20	Taburan Responden Bawah 15 Tahun Berdasarkan Kategori Orientasi Ego	148
21	Taburan Responden Bawah 18 Tahun Berdasarkan Tahap Kebimbangan Prapertandingan	149
22	Taburan Responden Bawah 18 Tahun Berdasarkan Tahap Kebimbangan Kognitif	151
23	Taburan Responden Bawah 18 Tahun Berdasarkan Tahap Kebimbangan Somatik	152
24	Taburan Responden Bawah 18 Tahun Berdasarkan Tahap Keyakinan Diri	153
25	Taburan Responden Bawah 18 Tahun Berdasarkan Kategori Orientasi Tugasan	154
26	Taburan Responden Bawah 18 Tahun Berdasarkan Kategori Orientasi Ego	155
27	Ujian-t bersandar Antara Subskala Kebimbangan Prapertandingan Dan Subskala Orientasi Matlamat Peserta Merentas Desa Bawah 15 Tahun Mengikut Jantina	157
28	Ujian-t bersandar Antara Subskala Kebimbangan Prapertandingan Dan Subskala Orientasi Matlamat Peserta Merentas Desa Bawah 18 Tahun Mengikut Jantina	158
29	Ujian-t bersandar Antara Subskala Kebimbangan Prapertandingan Dan Subskala Orientasi Matlamat Peserta Merentas Desa Bawah 15 Tahun Mengikut Pengalaman	160
30	Ujian-t bersandar Antara Subskala Kebimbangan Prapertandingan Dan Subskala Orientasi Matlamat Peserta Merentas Desa Bawah 18 Tahun Mengikut Pengalaman	161

31	Kolerasi Antara Kebimbangan Prapertandingan Dan Orientasi Matlamat Peserta Merentas Desa Bawah 15 Tahun	163
32	Kolerasi Antara Kebimbangan Prapertandingan Dan Orientasi Matlamat Peserta Merentas Desa Bawah 18 Tahun	165
33	Regrasi Berganda <i>Stepwise</i> Bagi Kebimbangan Prapertandingan Peserta Merentas Desa Bawah 15 Tahun	167
34	Regrasi Berganda <i>Stepwise</i> Bagi Kebimbangan Prapertandingan Peserta Merentas Desa Bawah 18 Tahun	168

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1 Teori Desakan – Hubungan antara kebangkitan dan prestasi		32
2 Teori U-Terbalik - Hubungan antara kebangkitan dan prestasi		34
3 Zon Fungsi Optimum Individu		37
4 Perubahan Dalam Kebimbangan Suasana Sebelum Pertandingan		43
5 Hubungan Multidimensi Antara Prestasi Atlet Dan Kebimbangan Suasana		45
6 Hubungan Antara Kebimbangan Prapertandingan dan Orientasi Matlamat		89

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Dalam konteks budaya, sukan dianggap sebagai agen sosialisasi di mana anggota masyarakat saling berkomunikasi dan berinteraksi untuk menentukan peranan masing-masing sebagai ahli masyarakat (Shaharudin, 2001). Sukan yang bersifat universal mampu menyatupadukan manusia tanpa mengira kaum, asal-usul, kepercayaan, nilai, agama dan status ekonomi. Individu yang melibatkan diri dalam sukan atau aktiviti fizikal berpeluang menimba pengalaman yang menyeronokkan di samping mempelajari kaedah kerja berpasukan dan membentuk sikap toleransi (Kofi Anan, 2004). Aktiviti sukan melibatkan penyertaan, penglibatan dan semangat kekitaan yang membawa individu dan komuniti bekerjasama serta menjalankan hubungan yang erat antara pelbagai etnik dan budaya. Penglibatan dalam sukan dan aktiviti fizikal juga boleh memberi panduan mengenai cara hidup dan kepentingan nilai termasuk keyakinan diri, penglibatan, komunikasi, disiplin dan sikap saling menghormati sesama manusia (Kofi Anan, 2004).

Selain itu, sukan adalah aktiviti yang berkesan dan mempunyai potensi membantu individu memperoleh keseronokkan, kepuasan dan nilai terpuji dalam kehidupan. Sukan juga mampu memenuhi

keperluan asas manusia yang merangkumi keperluan fisiologi dan kepuasan kendiri di samping menggalakkan gaya hidup sihat dan meningkatkan kualiti hidup seseorang individu (Corbin & Lindsey, 1994; Frank & Pangrazi, 2000)

Menurut Corbin, Lindsey dan Welk (2000), penglibatan dalam sukan perlu digalakkan kepada golongan muda tanpa mengira lelaki atau perempuan terutamanya yang masih berada di alam persekolahan supaya menjadikan sukan sebagai amalan harian dan gaya hidup sepanjang hayat. Secara tradisinya penglibatan kaum lelaki atau perempuan dalam sukan telah lama terbentuk (Shaharudin, 2001). Sallis dan Patrick (1994), juga berpendapat sukan perlu dipromosikan di kalangan murid sekolah rendah dan menengah kerana penglibatan dalam sukan akan mendorong mereka mengamalkan gaya hidup yang aktif. Penglibatan dalam sukan perlu dititikberatkan dan dikekalkan kerana aktiviti ini boleh merehatkan badan dan mengawal emosi. (Corbin, Lindsey & Welk, 2000).

Dalam sukan terdapat elemen pertandingan yang membolehkan mereka yang terlibat dalam aktiviti tersebut bersaing antara satu sama lain. Individu yang bertanding akan berusaha mempamerkan kebolehan dan kemampuan untuk memperoleh kejayaan. Walau bagaimanapun, kejayaan tersebut bukan sahaja bergantung kepada kemampuan fizikal tetapi juga kemampuan mereka mengekalkan keupayaan mental yang sesuai untuk beraksi pada tahap potensi

yang optimum. Hal ini kerana aspek mental merupakan bahagian yang bersifat integral yang wujud dalam diri individu yang bersaing (Anshel, 1997).

Kebimbangan adalah antara aspek mental yang perlu diberi perhatian bagi memahami tingkahlaku individu dalam meningkatkan prestasi mereka (Tajul Ariffin, Ruslin Amin & Zamri Mohamad, 2004). Kebimbangan dilihat sebagai suatu keadaan negatif yang boleh memberi kesan kepada prestasi atlet (Cavalke, Kremer, Moran & Williams, 2004). Menurut Wann (1997), kebimbangan akan wujud bila individu mula meragui kemampuannya dalam mengawal situasi yang menyebabkannya merasa tertekan. Kemampuan seseorang atlet mempamerkan prestasi mereka adalah berdasarkan tahap kebimbangan mereka sebelum bertanding. Hal ini disebabkan, para penyelidik berpendapat bahawa tahap kebimbangan yang dialami oleh atlet mempunyai hubungan yang rapat dengan prestasi mereka (Cerin, Szabo, Hunt & Williams, 1999; Craft, Magyar, Becker & Feltz, 2003; Jones, Swain & Cale, 1992; Kirby & Liu, 1999; Kais & Raudsepp, 2004; Kim & Gill, 1995; Krane & Williams, 1994; Martens, et.al., 1990; Mullen & Hardy, 2000; Roberts, Treasure, Kavussanu, 1996; Russel, Rob & Cox, 1998).

Spielberger (1966), mengklasifikasikan kebimbangan kepada kebimbangan suasana (*state anxiety*) dan kebimbangan tret (*trait anxiety*). Kebimbangan suasana adalah suatu keadaan emosi yang

ditonjolkan oleh perasaan secara subjektif, diterima secara sedar mengenai kekhawatiran dan ketegangan serta diikuti dengan keaktifan sistem saraf autonomik. Kebimbangan suasana juga diperjelaskan sebagai suatu kebimbangan yang melibatkan reaksi terhadap situasi tekanan dan cemas yang bersifat sementara (Wann, 1997). Keadaan tersebut berubah-ubah dari masa ke semasa dan berkadar turun-naik terhadap ancaman yang diterima sama ada daripada persekitaran atau suasana. Ancaman yang diterima boleh berbentuk fisiologikal (seperti bimbang terhadap kecederaan pada diri) dan berbentuk psikologikal (seperti bimbang tentang keupayaan beraksi).

Dalam sesuatu pertandingan, perasaan untuk bertanding dilihat sebagai faktor penting bagi melihat pencapaian prestasi dan pengekalan dalam aktiviti sukan (Duda, 1989). Oleh itu, selain daripada faktor kebimbangan, orientasi matlamat individu yang terlibat dalam aktiviti sukan juga perlu diberi perhatian. Orientasi matlamat merujuk kepada situasi pencapaian sebagai objektif dan matlamat utama dalam penyertaan sukan (Williams, 1994). Roberts (1992), melihat situasi pencapaian daripada dua aspek iaitu berorientasi tugas dan berorientasi ego. Menurut Nicholls (1989), orientasi matlamat seseorang itu akan memberi kesan ke atas motivasi dan arah tuju penglibatan seseorang dalam bidang sukan. Burton (1992) mengandaikan atlet yang bermatlamat keputusan pertandingan akan lebih cenderung memberi tumpuan kepada keputusan akhir perlawanan, sering mengalami kebimbangan,

prestasi yang lemah dan penurunan motivasi. Sebaliknya, atlet perlu mempunyai matlamat berdasarkan prestasi dan pemahaman mengenai orientasi matlamat berorientasi tugasan atau ego penting bagi mengenal pasti tahap motivasi seseorang melibatkan diri dalam bidang sukan.

Oleh yang demikian, tumpuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara kebimbangan prapertandingan dan orientasi matlamat di kalangan peserta merentas desa Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM). Di samping itu, kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti tahap kebimbangan prapertandingan dan corak orientasi matlamat peserta merentas desa, melihat pengaruh jantina dan pengalaman terhadap kebimbangan prapertandingan dan orientasi matlamat peserta merentas desa dan mengenal pasti faktor peramal bagi kebimbangan prapertandingan di kalangan peserta merentas desa MSSM. Pengetahuan berkaitan kedua-dua pembolehubah ini akan memberi panduan yang berguna kepada Majlis Sukan Sekolah Malaysia dalam usaha melahirkan atlet olahraga bertaraf dunia.

Pernyataan Masalah

Sukan dan aktiviti fizikal memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat dalam usaha mengamalkan gaya hidup yang sihat. Penglibatan dalam sukan perlu ditumpukan kepada generasi